

Peguam Najib pula ke luar negara

UM - 26/10/2021 m/s. 13

KUALA LUMPUR: Selepas bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kini giliran peguam utamanya pula, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pula memohon pasport untuk ke luar negara.

Menurut notis usul yang difailkan Muhammad Shafee, beliau hendak ke New York, Amerika Syarikat untuk berjumpa dan menguruskan urusan pengajian anaknya di The New School Parson.


Menurut permohonannya, beliau akan ke negara Uncle Sam itu pada 27 Oktober ini sehingga 30 November ini.

"Pasport akan dikembalikan kepada mahkamah selewat-lewatnya pada 3 Disember 2021," ujar peguam Wee Yeong Kang yang mewakili Muhammad Shafee.

Pihak pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya, S. Nithia selaku responden tidak mengemukakan sebarang bantahan.

Sejak awal bulan ini, beberapa individu telah dibenarkan oleh mahkamah yang berbeza untuk mendapatkan semula pasport mereka bagi pelbagai alasan.

Mereka adalah Presiden UMNO, Datuk Seri Zahid Hamidi yang akan ke Jerman bagi rawatan sakit belakang dan leher manakala Najib dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor pula akan ke Singapura bagi menemani anak mereka yang akan melahirkan anak awal No-



**MUHAMMAD SHAFEE
ABDULLAH**

umber ini.

Semua mereka kini sedang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Shah Alam atas pelbagai pertuduhan termasuk rasuah dan pengubahan wang haram.

Sementara itu, Hakim Muhammad Jamil Hussin selepas mendengar permohonan dan meneliti affidavit Muhammad Shafee membenarkan permohonan itu.

"Mahkamah telah mendengar permohonan notis usul dan membaca affidavit sokongan pemohon (Muhammad Shafee). Selepas menimbang alasan-alasan pemohon dan responden tiada apa-apa bantahan, permohonan pemohon adalah dibenarkan," kata hakim itu.

Pasport itu diserahkan kepada Muhammad Shafee semalam.